

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

ALAT PENGUPAS KELAPA

DISEDIAKAN OLEH :

AFFANDI AK RUMPA	93153276
DAYANG FATIMAH BT. ABANG SHEBLI	93235220

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

BAB 1

Pengenalan

Tujuan

Matlamat

BAB 2

Carta Aliran

BAB 3

Peranan Terhadap Pengguna

BAB 4

Idea

BAB 5

Operasi

BAB 6

Pemilihan Bahan

BAB 7

Anggaran Kos

BAB 8

Kompenen Mesin

Kelebihan Mesin Baru

Kelemahan Mesin Lama

BAB 9

Masalah-Masalah Dihadapi

BAB 10

Pengiraan

BAB 11

Cadangan

Kesimpulan

PRAKATA

Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penasihat projek akhir kami iaitu Puan Anizah bt. Kalam yang telah memberikan idea kepada kami untuk menyambung dan memperbaiki projek akhir pelajar lama. Hasil tunjuk ajar dan kata-kata nasihat daripada beliau, kami telah dapat memperkembangkan idea pelajar lama tersebut.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberikan dorongan kepada kami.

PENGENALAN

Kelapa mempunyai banyak fungsi didalam kehidupan seharian kita. Buahnya sahaja boleh menyumbangkan santan dan nyiur untuk kita. Santannya boleh di buat kuih, aiskrim, syampu, ubat-ubatan dan lain-lain lagi. Sabutnya pula boleh di buat sarang burung ciak rumah, perhiasan, bahan api dan sebagainya.

Untuk mendapatkan hasil- hasil tersebut, kita memerlukan alat untuk mengupas buah kelapa. Alat-alat biasa terdiri daripada cok kelapa, parang dan kapak. Pelajar semester lepas pula telah mencipta satu Mesin Pengupas Kelapa.

Walau bagaimanapun, setelah kami menganalisa mesin tersebut, kami dapati ia mempunyai beberapa kelemahan di mana sistemnya tidak kukuh dan bentuknya pula kurang sesuai untuk mendapatkan hasil yang baik. Dari itu, kami telah mendapat idea untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan mesin tersebut.

Akhirnya, kami telah merekabentuk mesin yang baru seperti yang akan kami terangkan di dalam laporan ini.